

# PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD



KERATAN AKHBAR / *NEWSPAPER CLIPPING*

<b>AKHBAR</b> ( <i>Newspaper</i> )	:	Berita Harian			
<b>TARIKH</b> ( <i>Date</i> )	:	4/5/2017	<b>MUKA SURAT</b> ( <i>Page</i> )	:	11
<b>NO. PANGGILAN</b> ( <i>Call No.</i> )	:	2017/5-009	<b>NO. ITEM</b> ( <i>Item Number</i> )	:	56394

# Syor wujud Hari Akademia

Sejak rakyat dan negara ini menikmati kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, negara menempuh pelbagai kejayaan, kemajuan dan pembangunan dalam pelbagai sektor kehidupan. Ini termasuk dalam sektor pendidikan yang dianggap penting dalam mencorakkan wajah generasi masa depan negara.

Pemimpin yang ada pada hari ini dibentuk oleh dunia pendidikan sedari kecil merentasi zaman kanak-kanak hinggalah remaja seterusnya melanjutkan pengajian pada peringkat tertinggi. Selain peri pentingnya peranan guru yang mendidik murid dan peringkat sekolah rendah dan menengah, pensyarah di universiti atau kalangan akademia juga dianggap golongan intelektual yang bertanggungjawab membina keintelektualan anak bangsa dan mahasiswa.

Daripada hanya beberapa universiti awam seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Universiti Putra Malaysia, kini negara memiliki 20 universiti awam.

Dalam perkembangan pendidikan hari ini, boleh dikatakan kebanyakan pelajar sekolah menengah berpeluang memijakkan kaki di universiti sama ada pada peringkat diploma mahupun ijazah pertama. Adalah pelik dan menghairankan jika dalam sesebuah keluarga, ada anak-anak gagal melanjutkan pengajian pada peringkat tinggi sama di universiti awam atau swasta.

Justeru, kalangan akademia perlu bertanggungjawab memenuhi aspirasi kerajaan agar melahirkan mahasiswa bertaraf dunia dan mampu memikul pelbagai cabaran

sebelum memasuki alam kerjaya.

## Menghargai jasa

Membentuk mahasiswa hingga mencapai tahap doktor falsafah bukanlah tanggungjawab mudah. Selain mempersiapkan diri dengan pembacaan untuk meneroka bidang ilmunya, kalangan akademia memikul tanggungjawab rutin, termasuk menjalankan penyelidikan (geran dalaman universiti dan luar), pengkomersialan, penerbitan (penulisan jurnal berimpak tinggi), menjalankan perundingan, penasihat akademik kepada pelajar, penasihat program universiti, pengajaran (diploma hingga doktor falsafah), penasihat persatuan, memegang jawatan, pembentangan kertas kerja di dalam dan luar negara untuk berkongsi kepakaran, membina jaringan antarabangsa, menghasilkan buku, serta menjalankan tanggungjawab sosial sama ada sebagai penasihat mahupun pegawai pengiring.

Terlalu besar sumbangan dan pengorbanan ahli akademik di universiti yang kadang-kadang mengorbankan hari hujung minggu mereka demi menayakan program universiti dan pengajaran pasca siswazah. Sumbangan akademia kepada pembangunan bangsa dan menjelmakan aspirasi dan visi negara sungguh besar.

Seperti sambutan Hari Guru saban tahun, sebagai mengiktiraf sumbangan kalangan ahli akademik di universiti, mungkin kerajaan dapat mewujudkan Hari Akademia yang disambut oleh kalangan ahli akademik bersama mahasiswanya di universiti.

Betapa bernilai dan dihargainya

mereka seandainya diwujudkan sambutan berkenaan agar pada hari itu seluruh negara bertumpu kepada sambutan menghargai sumbangan ahli akademik. Alangkah indahnya pada hari itu, semua alumni turut meraikan pensyarah dan universiti yang melahirkan mereka menjadi insan hebat. Mahasiswa akan bertemu pensyarah mereka mentafsir falsafah perjuangan hidup untuk menjadi insan berjaya seperti pensyarah mereka.

## Hari Akademia

Universiti menyambut meriah pelbagai kejayaan dan sumbangan ahli akademik serta mengenang jasa ahli akademik yang pernah menyumbang bakti kepada kemasyhuran universiti serta yang sudah kembali menemui Ilahi. Keluarga ahli akademik dijemput dirai. Pada hari itu, alumni yang berjaya, sumbanglah apa termampu kepada universiti.

Pada majlis konvokesyen, betapa gembira dan bahagianya hati seorang pensyarah melihat anak didiknya menerima segulung ijazah, sekali gus mencerminkan kejayaan, pengorbanan dan berkongsi kebahagiaan bersama.

Di atas pentas, bukan sahaja ibu bapa tergenang air mata kegembiraan, malah kalangan pensyarah kadang-kadang tidak tahan air mata menatap anak didik mengukir senyuman menerima ijazah daripada canselor.

Ada juga mahasiswa belum sempat menamatkan pengajian sama ada pada peringkat ijazah pertama atau pascasiswazah, menghembuskan nafas terakhir akibat pelbagai penyakit kronik serta tidak mampu bertahan

hingga menamatkan pengajian. Kebahagiaan yang dinantikan, musnah di tengah perjuangan.

Atas didikan pensyarah, universiti berjaya melahirkan insan yang hebat dan mengharumkan nama negara dalam pelbagai bidang, termasuk penyelidikan menarik yang memberi impak kepada kehidupan sejagat umat manusia. Ada yang menjadi pemimpin hebat pada peringkat nasional dan antarabangsa.

## Wujud Elaun Kesarjanaan

Sumbangan kalangan akademia mencurahkan ilmu dan idea demi menyaksikan kemajuan anak bangsa dan negara sungguh bermakna. Sumbangan profesional akademia mendidik pelajar peringkat tinggi terlalu besar. Dunia keserjanaan yang dibangunkan ahli akademik penuh cabaran dan berliku. Mungkin Elaun Kesarjanaan dapat diwujudkan sebagai pengiktirafan kepada ilmu bagi membezakan akademia dengan profesion lain.

Untuk memperoleh gelaran PhD (doktor falsafah), perjalanannya penuh dramatik dan tidak kurang ramai yang tewas. Lantaran sukarnya itulah, maka muncul individu yang sanggup menigambil jalan pintas dengan memburu ijazah PhD palsu tanpa melalui proses perjalanan akademik yang sah.

Dalam mencapai taraf keserjanaan, akademia perlu belajar memahami makna falsafah kesabaran dan pengorbanan. Kita yakin, kerajaan sentiasa prihatin dan bersedia membela nasib kalangan akademia yang sentiasa menyokong aspirasi dan iltizam kerajaan melahirkan insan cemerlang untuk negara.

## Komentor



**Dr Ghazali Din**

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris

[FOTO HIASAN]



Universiti berjaya lahirkan insan yang hebat dan mengharumkan nama negara dalam pelbagai bidang atas didikan pensyarah.